

TARIKH: 8/7/23  
SURAT KHABAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 15

## Galak penjawat awam mencarum Perkeso buat isteri suri rumah

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Sumber Manusia akan menjalin kerjasama dengan semua kerajaan negeri sebagai inisiatif menggalakkan lebih ramai penjawat awam menyertai Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) untuk isteri mereka yang merupakan suri rumah.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, kerjasama itu membolehkan kakitangan agensi kerajaan negeri diberi kemudahan pemotongan gaji untuk melakukan caruman SKSSR terbabit.

"Kita mahu lebih ramai suami termasuk dalam kalangan penjawat awam melindungi isteri masing-masing yang merupakan suri rumah.

"Caruman SKSSR hanya RM120 setahun dan ia amat berpatutan berbanding skim insurans perlindungan lain yang terdapat di pasaran," katanya di sini semalam.

Terdahulu beliau merasmikan Karnival Kerjaya MYFutureJobs dan SKSSR peringkat Terengganu.

Sivakumar berkata, selain kerajaan negeri, beliau juga menggalakkan ahli politik dan pemimpin setempat yang berkemampuan membantu suri rumah tidak berkemampuan melakukan caruman SKSSR.



**SIVAKUMAR (dua dari kanan) meninjau proses temu duga bakal pekerja di Karnival Kerjaya MyFutureJobs dan SKSSR Terengganu di Kuala Terengganu semalam.**

Tambah beliau, pihak korporat juga disaran mengambil tanggungjawab sosial korporat (CSR) menayakan SKSSR terbabit.

"Perkeso menyasarkan 500,000 suri rumah tempatan mencarum dalam SKSSR menjelang akhir tahun ini.

"Begitupun baki enam bulan ini, penyertaan dalam skim tersebut cuma 178,085 orang di

seluruh negara," katanya.

Sivakumar berkata, wanita yang menjadi suri rumah juga wajar dilindungi demi kebajikan mereka dan keluarga.

Jelas beliau, setakat ini, 145 waris suri rumah yang menyertai SKSSR telah mengemukakan tuntutan kepada Perkeso melibatkan pembayaran faedah dan pampasan sebanyak kira-kira RM350,000.